# Mahathir bimbang krisis Soviet

BH 20 AUG 1991

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan kebimbangannya berikutan pergolakan terbaru yang berlaku dalam pucuk pimpinan di Soviet Union.

Perdana Menteri berkata, jika golongan penentang Presiden Mikhail Gorbachev mengambil alih negara itu, dikhuatiri ia akan menyebabkan pergolakan dalaman dan menjejaskan perhubungan Soviet Union dengan negara lain.

"Kita kesal jika pucuk pimpinan baru Soviet Union membawa corak kepemimpinan cara lama," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan malam sempena ulangtahun Jubli Perak Public Bank, di sini, malam ini.

Beliau berkata, adalah baik jika benar golongan konservatif komunis mengambil alih kerana Gorbachev tidak sihat, tetapi jika tindikan itu dilakukan kerana bertujuan menyingkir Gorbachev, dikhuatiri ia akan membawa kepada corak kepemimpinan cara lama.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sekira Soviet Union berbalik kepada cara lama, dikhuatiri kegiatan negatif seperti cubaan menghasut dan sebagainya akan berlaku semula.

Ditanya mengenai perkembangan di Soviet Union dari Kedutaan Malaysia di sana, beliau berkata, setakat ini tiada laporan segera mengenai kesan pergolakan politik itu.